



**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)  
BIL.1/2020**

**PELAKSANAAN PENGAJARAN JARAK JAUH (PJJ)  
&  
PINDAAN KALENDAR AKADEMIK**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

1. Saya mendoakan agar semua tenaga pengajar, pelajar dan warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sentiasa berada dalam keadaan sihat dan selamat sepanjang Negara menghadapi situasi wabak Covid-19.
2. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan ketika ini, Universiti sentiasa berusaha memastikan proses pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran (P&P) dapat dilaksanakan mengikut kaedah yang bersesuaian.
3. Sehubungan itu, bagi memastikan proses P&P dapat diteruskan pelaksanaannya tanpa menjejaskan keselamatan dan kesihatan pelajar serta staf, Senat UTHM telah meluluskan pelaksanaan perkara-perkara berikut:
  - a) Setiap Fakulti dikehendaki untuk memulakan sesi P&P seawal 1 April 2020 melalui pelaksanaan pengajaran jarak jauh (PJJ) bagi menilai dan memastikan kesediaan semua pelajar untuk mengikutinya termasuk penilaian capaian *online* oleh semua pelajar sebelum sesi P&P secara formal bermula pada 19 April 2020. **Garis panduan bagi pelaksanaan sesi P&P secara PJJ** ini adalah seperti **Lampiran 1**.
  - b) Pelaksanaan P&P secara PJJ ini memerlukan kreativiti dan inovasi tenaga pengajar dalam memastikan kebajikan pelajar tidak terabai. Oleh itu fakulti dikehendaki sentiasa memastikan jam belajar pelajar (SLT) dan hasil pembelajaran kursus (CLO) tercapai mengikut piawaian badan akreditasi.
  - c) Pindaan Kalendar Akademik UTHM melibatkan Sesi 2019/2020 adalah seperti maklumat pada **Lampiran 2**.

4. Insya'allah dengan usaha dan kerjasama yang jitu daripada semua pihak, kita akan dapat bersama-sama menangani cabaran ini dan sekali lagi pihak fakulti diingatkan untuk sentiasa memastikan tidak ada pelajar yang tertinggal dalam pelaksanaan P&P secara jarak jauh ini.

Sekian, terima kasih.



Profesor Dr. Ismail bin Abdul Rahman  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Tarikh: 28 Mac 2020

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor UTHM  
- Jawatankuasa Pengurusan Krisis UTHM

#### **Senarai Edaran**

- Dekan Pusat Pengajian Siswazah
- Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina
- Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
- Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
- Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
- Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- Dekan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
- Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan
- Dekan Pusat Pengajian Diploma
- Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
- Dekan Pusat Pengajian Bahasa
- Pengarah Pejabat Antarabangsa
- Pengarah Pusat Pembangunan Dan Latihan Akademik
- Menjalankan Tugas Pengurus Teaching Factory
- Pengarah Pusat APEL
- Pengarah Pusat Pembelajaran Atas Talian Tahap Global
- Pengarah Pejabat Pengurusan Akademik

LAMPIRAN 1**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SECARA  
PENGAJIAN JARAK JAUH (PJJ)****1. TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan bagi menjelaskan mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) sepanjang tempoh Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

**2. LATAR BELAKANG**

Garis panduan ini dikeluarkan sebagai edaran dalaman UTHM bagi menerangkan kepada pensyarah/pengajar dan pelajar berkaitan perubahan kaedah P&P termasuk pindaan kepada kalendar akademik UTHM, susulan perintah kawalan pergerakan seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 25 Mac 2020.

**3. PINDAAN KALENDAR AKADEMIK**

- 3.1. Secara umumnya, pindaan kalendar akademik ini menjelaskan tempoh pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran melalui kaedah jarak jauh (selepas dari ini diringkaskan sebagai **PJJ**) dan pemansuhan semester pendek (Julai hingga Ogos), tanpa menjejaskan pelaksanaan Sem. I 2020/2021 yang bermula pada bulan September 2020.
- 3.2. Pindaan kalendar akademik ini telah disediakan atas inisiatif Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko berdasarkan analisis ke atas situasi semasa, dan telah diluluskan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil. 6/2020 bertarikh 26 Mac 2020. Secara rasminya, kalendar ini juga telah diluluskan oleh Senat UTHM pada 28 Mac 2020.
- 3.3. Kalendar ini turut menjelaskan tentang **sesi pra pelaksanaan (penyesuaian dan pengukuhan) PJJ yang akan bermula dari 1 April 2020 hingga 18 April 2020**. Manakala pelaksanaan PJJ secara formal adalah bermula pada 19 April hingga 23 Mei 2020.
- 3.4. Sila rujuk **Lampiran 2** untuk perincian kalendar akademik yang telah dipinda.

**4. DEFINISI OPERASI****4.1. Pembelajaran dan Pengajaran Melalui Kaedah Jarak Jauh (PJJ)**

- 4.1.1. PJJ lebih dikenali sebagai *distance learning*, meliputi pelbagai cara seperti memuatnaik/mengirim melalui pos/menghantar emel dengan menggunakan pelbagai platform seperti secara atas talian (*learning management system/whatsapp/emel/youtube/facebook*) atau melalui kaedah konvensional seperti melalui kurier dan telefon.

- 4.1.2. PJJ boleh dilaksanakan secara pembelajaran tidak segerak (*asynchronous learning*), dan boleh dibuat semasa pelajar tidak menggunakan talian internet (*offline*). Kaedah ini melibatkan bahan kursus yang dihantar melalui web, emel dan papan mesej yang kemudiannya dihantar ke forum dalam talian. Pelajar boleh menyempurnakan kursus dengan cara mereka sendiri, menggunakan internet sebagai alat sokongan dan tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada perisian e-pembelajaran atau kelas interaktif dalam talian. Pelajar juga boleh menyelesaikan tugas mengikut kesesuaian masa sendiri, tertakluk kepada tempoh masa yang diberikan oleh pensyarah/pengajar.
  - 4.1.3. Pensyarah/pengajar perlu mempelbagaikan kaedah penyampaian agar dapat disesuaikan dalam pelbagai situasi pelajar dan dapat dicapai sepenuhnya (100% capaian pelajar).
  - 4.1.4. Pelaksanaan melalui kaedah ini merangkumi semua bentuk P&P yang berasaskan teori bagi semua peringkat pengajian (Diploma/Sarjana Muda/Sarjana), termasuklah Projek Sarjana Muda yang perlu disesuaikan dengan kaedah PJJ.
  - 4.1.5. Sesi pre-viva/viva bagi peringkat pasca siswazah secara penyelidikan yang dilaksanakan melalui kaedah ini perlu mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Pelaksanaan yang melibatkan pemeriksa dalaman perlu dilaksanakan sepenuhnya, manakala bagi sesi yang melibatkan pemeriksa luar perlu mendapat persetujuan semua pihak yang terlibat.
  - 4.1.6. Perlu diingatkan bahawa hasil pembelajaran kursus (*Course Learning Outcome – CLO*) perlu dicapai dan pelaksanaan P&P ini perlu dirancang dengan teliti dan mematuhi jam belajar pelajar (*Student Learning Time – SLT*).
  - 4.1.7. Pelaksanaan penilaian Ujian 1 dan Ujian 2 adalah terpulang kepada kreativiti penyelaras kursus/fakulti, tetapi mestilah mematuhi kualiti yang telah ditetapkan.
  - 4.1.8. Peperiksaan akhir di bawah kendalian Pejabat Pengurusan Akademik akan dilaksanakan secara fizikal dengan pelajar perlu hadir ke dewan peperiksaan di UTHM mengikut jadual yang ditetapkan.
  - 4.1.9. Tempoh pelaksanaan latihan industri pula akan ditambah 4 minggu pada semester akhir. Manakala, latihan industri pada semester 3 ditangguhkan kerana tempoh LI tidak dapat dipenuhi dan akan dibawa pada semester lazim berikutnya.
- 4.2. **Pra Pelaksanaan (Penyesuaian dan Pengukuhan) PJJ**
- 4.2.1. Bermula 1 April 2020 hingga 18 April 2020 sesi PJJ ini boleh dilaksanakan. Keberkesanan PJJ ini perlu dikaji oleh fakulti. Dalam tempoh tersebut, semua pensyarah/pengajar perlu memastikan modul termasuk bahan pentaksiran/aktiviti (ujian/kuiz dan lain-lain) yang telah dibangunkan lebih awal digunakan bagi pelaksanaan PJJ dan perlu didokumenkan.


- 4.2.2. Capaian dan komen pelajar perlu diteliti oleh pensyarah/pengajar, dilaporkan kepada fakulti dan seterusnya cadangan dikemukakan serta dilaksanakan untuk memastikan capaian 100% oleh pelajar.

## **5. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini adalah terpakai dari tarikh dikeluarkan iaitu pada 28 Mac 2020. Sebarang pindaan terhadap kalendar akademik ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa tertakluk perubahan kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa.

## LAMPIRAN 2: PERINCIAN PERUBAHAN KALENDAR AKADEMIK

## PERUBAHAN KALENDAR AKADEMIK UTHM (DIKELUARKAN PADA 28 MAC 2020)



## Rujukan: Penerangan Tarikh-tarikh Kalendar

Tarikh	Tempoh	Aktiviti
1 April 2020 hingga 18 April 2020	2 minggu	Pra pelaksanaan (penyesuaian dan pengukuhan PJJ)
19 April 2020 hingga 23 Mei 2020	5 minggu	PJJ ( <i>distance learning</i> ) secara formal
24 Mei 2020 hingga 30 Mei 2020	1 minggu	Cuti Pertengahan Semester & Hari Raya
31 Mei 2020 hingga 27 Jun 2020	4 minggu	P&P secara fizikal ( <i>face to face</i> ) di UTHM
28 Jun 2020 hingga 4 Julai 2020	1 minggu	Minggu ulangkaji
5 Julai 2020 hingga 23 Julai 2020	3 minggu	Peperiksaan Akhir Sem. II 2019/2020

\* Kalendar ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada Pekeliling/Arahan Kerajaan Malaysia yang berkuatkuasa.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan hingga 14 April 2020, UTHM telah bersetuju:

**1 April – 23 Mei 2020**

**1 P&P Jarak Jauh (PJJ)**

- Fasa **Pra Pelaksanaan** (penyesuaian dan pengukuhan) PJJ mulai 1 – 18 April
- Fasa **PJJ formal** mulai 19 April – 23 Mei
- **Kaedah PJJ** bagi P&P berbentuk teori, syarahan, tugasan, projek (termasuk PSM), pembentangan, pentaksiran, pre-viva, viva, ujian



\* 24 Mei – 30 Mei 2020: Cuti Pertengahan Semester & Hari Raya

**2 Pembelajaran Bersemuka & Peperiksaan Akhir**

**31 Mei – 23 Julai 2020**

- P&P dengan **kehadiran fizikal** bermula 31 Mei – 27 Jun 2020
- Minggu ulangkaji 28 Jun – 4 Julai 2020
- **Peperiksaan akhir** pada 5 Julai – 23 Julai 2020 dengan kehadiran fizikal di bawah pengurusan PPA
- Latihan industri ditambah 4 minggu pada semester akhir

**3 Peranan Fakulti & Pensyarah**

- Kreatif dan inovatif dalam pelaksanaan P&P PJJ, serta tidak abaikan kebajikan pelajar
- Pastikan capaian 100% pelajar semasa PJJ
- Pastikan CLO dan SLT dicapai



**4 Peranan Pelajar**

- Patuhi perintah kawalan pergerakan
- Sentiasa berkomunikasi dengan pensyarah/fakulti
- Berbincang dengan pensyarah sekiranya menghadapi masalah semasa pelaksanaan PJJ
- Tidak perlu membeli tiket balik ke Universiti terlalu awal

